

SULIT



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

JABATAN PERDAGANGAN

PEPERIKSAAN AKHIR

SESI I : 2023/2024

DPN40073: PROPERTY & PECUNIARY INSURANCE

**TARIKH : 18 DISEMBER 2023
MASA : 11.15 AM – 1.15 PM (2 JAM)**

Kertas ini mengandungi ENAM (6) halaman bercetak.

Struktur (4 Soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

SULIT

INSTRUCTION:

This section consists of **FOUR (4)** structured questions. Answer **ALL** questions.

ARAHAN:

*Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan berstruktur. Jawab **SEMUA** soalan.*

QUESTION 1**SOALAN 1**

- CLO1 (a) Property and pecuniary insurance complement each other. Define property and pecuniary insurance accordingly.
Insurans harta dan kewangan saling melengkapi. Takrifkan insurans harta dan kewangan dengan sewajarnya.
- [5 marks]
[5 markah]
- CLO1 (b) KLIA is Malaysia's main international airport. As an insurance agent representing ARENA Insurance Bhd. Elaborate **FOUR (4)** suitable extraneous perils in fire insurance that can be taken by KLIA.
*KLIA adalah lapangan terbang antarabangsa utama Malaysia. Sebagai ejen insurans yang mewakili ARENA Insurance Bhd. Huraikan **EMPAT (4)** bahaya luaran yang sesuai dalam insurans kebakaran yang boleh diambil oleh KLIA.*
- [10 marks]
[10 markah]
- CLO1 (c) There are two types of construction insurance commonly sought by contractors namely Contractor All Risk (CAR) and Erection All Risk (EAR). Ascertain **FIVE (5)** characteristics of these two types of insurance.
*Terdapat dua jenis insurans pembinaan yang biasa dicari oleh kontraktor iaitu Kontraktor Semua Risiko (CAR) dan Ereksi Semua Risiko (EAR). Tentukan **LIMA (5)** ciri-ciri kedua-dua jenis insurans ini.*
- [10 marks]
[10 markah]

QUESTION 2**SOALAN 2**

- CLO1 (a) Most insurance contracts require the insured to make certain warranties. Discuss **TWO (2)** types of warranties in insurance contract.
*Kebanyakan kontrak insurans memerlukan pihak yang diinsuranskan membuat jaminan tertentu. Bincangkan **DUA (2)** jenis jaminan di dalam kontrak insurans.*
- [5 marks]
[5 markah]
- CLO1 (b) A renewable policy is an insurance policy feature that ensures an insurer is obligated to continue coverage if premiums are paid on the policy. Apply **FIVE (5)** renewal procedures and documentation of policy on property and pecuniary insurance.
*Polisi boleh diperbaharui ialah ciri polisi insurans yang memastikan penanggung insurans bertanggungjawab untuk meneruskan perlindungan jika premium dibayar pada polisi. Aplikasikan **LIMA (5)** prosedur pembaharuan dan dokumentasi polisi mengenai insurans harta dan kewangan.*
- [10 marks]
[10 markah]
- CLO1 (c) With regards to policy condition, analyze the following:
Berdasarkan syarat polisi, analisis perkara berikut:
- (i) The application of the cancellation condition under property insurance.
Penggunaan syarat pembatalan di bawah insurans harta benda.
- [5 marks]
[5 markah]
- (ii) The alteration in the policy condition.
Perubahan di dalam syarat polisi.
- [5 marks]
[5 markah]

QUESTION 3**SOALAN 3**

- CLO1 (a) Underwriting is the process by which an insurer decides whether to sell an insurance contract to the proposer. Discuss **TWO (2)** elements involved during the process of underwriting.
- Pengunderaitan adalah proses di mana syarikat insurans memutuskan sama ada menjual atau tidak kontrak insurans kepada pemohon. Bincangkan **DUA (2)** elemen yang terlibat semasa proses pengunderaitan.*
- [5 marks]
[5 markah]
- CLO1 (b) Houseowner and Householder Insurance provides coverage for the structure of a private dwelling as well as contents of the private dwelling. Prepare **FOUR (4)** underwriting considerations for this policy.
- Insurans Pemilik Rumah dan Isi Rumah menyediakan perlindungan untuk struktur kediaman persendirian serta kandungan kediaman persendirian. Sediakan **EMPAT (4)** pertimbangan pengunderaitan bagi polisi ini.*
- [10 marks]
[10 markah]
- CLO1 (c) The Glamour Book Shop wishes to purchase a fire insurance policy, and they ask for a fire premium quotation. As an underwriter of Capital Insurance Bhd., break down the premium charge for them based on the following information:
- Glamour Book Shop ingin membeli polisi insurans kebakaran, dan mereka meminta sebut harga premium kebakaran. Sebagai pengunderait bagi Capital Insurance Bhd, perincikan premium yang dikenakan untuk mereka berdasarkan maklumat berikut:*

Insured Name <i>Nama yang disinsuranskan</i>	Sanctuary Barber Shop
Construction class description <i>Deskripsi kelas pembinaan</i>	Brick Walls and concrete roofing
Sum Insured <i>Jumlah yang diinsuranskan</i>	RM 300,000 (Building) RM 50,000 (Plant & Machinery) RM 100,000 (Stocks)
Additional perils <i>Perils tambahan</i>	Flood (0.086%) Sprinkler leakage (Building) (0.005%)
Basic Rate <i>(Kadar Asas)</i>	0.190%

[10 marks]

[10 markah]

QUESTION 4**SOALAN 4**

CLO1

- (a) A loss adjuster will be appointed by insurance the company if the amount of the loss exceeds certain limitation. Outline **FIVE (5)** roles of loss adjuster.
Pelaras kerugian akan dilantik oleh syarikat insurans sekiranya jumlah kerugian melebihi had tertentu. Senaraikan **LIMA (5)** peranan pelaras kerugian.

[5 marks]

[5 markah]

CLO1

- (b) Insurers have a legal and moral obligation to pay claims promptly and fairly in fulfilling their contractual obligations. Write down the **FOUR (4)** processes in an insurance claim.

*Penanggung insurans mempunyai kewajipan undang-undang dan moral untuk membayar tuntutan dengan segera dan adil dalam memenuhi kewajipan kontrak mereka. Tuliskan **EMPAT (4)** proses dalam tuntutan insurans.*

[10 marks]

[10 markah]

CLO1

- (c) Disputes due to dissatisfaction on the part of the insured will cause delay in the settlement of claims and fall under liability, quantum or both. Classify **FOUR (4)** methods to handle disputes between the insurer and the insured.

*Pertikaian akibat ketidakpuasan hati di pihak yang diinsuranskan akan menyebabkan kelewatan dalam penyelesaian tuntutan dan tertakluk di bawah liability, kuantum atau kedua-duanya. Klasifikasikan **EMPAT (4)** kaedah untuk mengendalikan pertikaian antara penanggung insurans dan pihak yang diinsuranskan.*

[10 marks]

[10 markah]

SOALAN TAMAT